



BIL. 5/2009

JANUARI-DISEMBER 2009

KANDUNGAN

Bengkel Pengkatalogan MARC 21 Mantapkan Kemahiran Pengkatalogan	1
Peranan Pustakawan Menangani Isu Plagiarism	4
Pembangunan Koleksi Dokumen di Perpustakaan Tun Seri Lanang	6
7th Annual Library Leadership Institute: 21st Century	7
Sisipan Dari Ma'rad Cairo	8
Secebis Kenangan: Kembara Ilmu di Bumi London	9
Ke arah Peralihan MS ISO 9001:2008	10
Lawatan Penandaarasan ke Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya	10
Bengkel Pengurusan Bahan Dokumen	11
Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Kolej	11
Sekitar Lawatan Canselor ke Perpustakaan Undang-Undang	12
Forum Intelektual: Peranan Pustakawan di Universiti Penyelidikan	13
Berita Kakitangan	17

Bengkel Pengkatalogan MARC 21 Mantapkan Kemahiran Kakitangan Mengkatalog Bahan

Oleh: *Fatimah Kamilah Awang*

Pengkatalogan merupakan salah satu cabang ilmu yang memerlukan penguasaan dan kemahiran yang tinggi dalam pelaksanaannya. Memandangkan koleksi di perpustakaan sentiasa berkembang dari masa ke masa, ianya perlu diurus secara sistematik dan kemahiran ini perlulah sentiasa dimantapkan agar ianya dapat membantu pelanggan mengesan bahan dengan mudah dan berkesan. Selari dengan keperluan tersebut, Perpustakaan UKM dengan kerjasama Unit Latihan UKM sekali lagi telah menganjurkan Bengkel Pengkatalogan MARC 21 bertempat di siber@PTSL. Bengkel yang bermula pada 30 Mac-1 April 2009 ini telah dirasmikan oleh Ketua Pustakawan, Encik Abu Bakar Maidin di Bilik Sanggar Ilmu, PTSL.

Penceramah bengkel pada kali ini ialah Cik Salmah Salleh dari Wisdom Synergy. Beliau merupakan mantan pensyarah UiTM dan mempunyai kepakaran serta pengalaman yang luas dalam bidang pengkatalogan. Bengkel yang dijalankan selama tiga hari ini dihadiri oleh Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan yang terlibat dalam tugas pengkatalogan termasuk dari perpustakaan cabang.

Antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pemahaman tentang penggunaan MARC 21, mengetahui cara memasukkan maklumat ke dalam Sistem Virtua dengan betul, mengelakkan kesilapan seterusnya memudahkan urusan memasukkan data ke dalam Katalog Induk Kebangsaan.



Sekapur Sireh Seulas Pinang

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera

Baru-baru ini antara isu yang hangat diperkatakan di ruang akhbar berkaitan pendidikan pengajian tinggi adalah isu plagiarisme di kalangan warga kampus IPT. Secara umumnya, plagiarisme ditakrifkan sebagai aktiviti menggunakan idea atau hasil tulisan pihak lain tanpa memberi pengiktirafan kepada sumbernya. Ini boleh dilakukan dalam pelbagai jenis penerbitan seperti buku, tesis, makalah jurnal, kertas kerja dan sebagainya.

Sebenarnya isu ini ada hubungan dengan warga perpustakaan yang terlibat dalam sistem pendidikan dan penyelidikan di universiti. Justeru itu, perpustakaan harus menentukan peranan yang boleh dimainkan dalam menangani isu plagiarisme ini.

Antara usaha utama yang boleh dijalankan adalah mendidik menggunakan sumber-sumber maklumat berwibawa yang terdapat dalam perpustakaan dan juga yang dilanggan oleh perpustakaan untuk keperluan pendidikan dan juga penyelidikan. Bahan-bahan seperti buku, makalah jurnal bercetak dan elektronik, dan tesis merupakan sumber utama yang berwibawa. Umumnya, bahan-bahan yang diperolehi oleh perpustakaan adalah selaras dengan keperluan pendidikan universiti malahan ianya dipilih oleh ahli akademik yang terlibat secara langsung dalam pendidikan dan penyelidikan.

Melalui sumber-sumber ini, cara membuat petikan atau sebutan perlu ditekankan kepada warga akademik universiti seperti pelajar pra dan pasca siswazah. Disinilah letaknya integriti akademik dalam menggunakan sumber maklumat yang berwibawa dan membuat petikan kepada maklumat yang digunakan.

Taklimat mengenai plagiarisme boleh disampaikan oleh Pustakawan yang mengendalikan kelas-kelas kemahiran perpustakaan atau kelas-kelas kemahiran maklumat. Antara kandungan taklimat termasuklah definisi plagiarisme, perbezaannya dengan pengetahuan umum, hubungannya dengan integriti akademik, kesan kegiatan plagiarisme dan hubungannya dengan Akta Hakcipta, dan tindakan undang-undang yang mungkin diambil oleh pemilik hakcipta sumber maklumat tersebut.

*Selain daripada kelas-kelas kemahiran maklumat yang diberikan, kemahiran menggunakan perisian yang boleh mengorganisasikan sumber-sumber maklumat perlu dipelajari oleh warga akademik terutama penyelidik. Di Perpustakaan UKM, kita mempunyai perisian **Endnotes** yang boleh dimuat turun dari laman web Perpustakaan. Melalui perisian ini sumber rujukan dapat diuruskan dengan lebih berkesan dan memudahkan proses membuat petikan.*

Pendidikan mengenai plagiarisme ini wajar diberikan diperingkat sekolah menengah tinggi lagi, seperti di Tingkatan Enam, Matrikulasi dan sebagainya. Ia juga sesuai menjadi pengetahuan umum kepada pelajar menengah tinggi. Melalui pendidikan lebih awal sebenarnya membantu mereka menjadi warga akademik yang berintegriti.

Semoga usaha yang dijalankan oleh Perpustakaan dalam menangani isu plagiarisme ini dapat membantu meningkatkan lagi integriti akademik Universiti.


Sekian, terima kasih.

“Perpustakaan Penjana Generasi Bermaklumat”

Tuan Haji Abu Bakar Maidin
Ketua Pustakawan

Dari halaman 1.

Pada hari pertama bengkel, peserta didedahkan dengan pengenalan kepada MARC 21 termasuk beberapa perubahan terkini dalam MARC 21 diikuti dengan sesi latihan pada hari kedua. Manakala pada hari ketiga, bengkel bertambah rancak dengan sesi soal jawab serta peserta diberi peluang untuk mengemukakan kemusykilan sekaligus dapat menyelesaikan masalah atau keraguan yang dihadapi ketika melakukan kerja-kerja pengkatalogan.



Sebagai tanda penghargaan dan komitmen, sijil telah diberikan kepada penceramah dan para peserta di akhir bengkel. Secara keseluruhannya, rata-rata peserta bengkel berpuas hati terhadap segala perkongsian ilmu yang telah disampaikan oleh penceramah. Diharapkan agar kursus sebegini akan terus diadakan pada masa akan datang untuk penambahbaikan yang berterusan dalam kerja-kerja pengkatalogan bagi menyumbang kepada kemasukan rekod yang berkualiti seterusnya membantu menaikkan imej perpustakaan.



Pengurusan Perpustakaan UKM

Ketua Pustakawan

Haji Abu Bakar Maidin

Ketua Program Pembangunan Sumber

Puan Hafsah Mohd

Ketua Program Pengurusan Perkhidmatan Maklumat

Puan Noraini Omar

Ketua Perpustakaan PPUKM

Puan Maimunah Kadir

Ketua Perpustakaan Undang-Undang

Puan Rosnah Suliman

Ketua Perpustakaan ATMA

Puan Aripah Mohamed

Ketua Perpustakaan Dr. Abdul Latiff

Puan Faizah Mohd. Zain

Sidang Pengarang

Ketua Editor

Shahrudin Shafri

Editor

Mohd Adnan Baharom

Pengarang

Fatimah Kamilah Awang

Mohd Adnan Baharom

Rosmarlidaini Mah Hasan

Noraashikin Mohd Yusop

Abdul Muhaimin Sabron

Nor Asiah Mohamad

Azhari Sahamir

Azlan Mohamad Hamzah

Pengeluaran

Pengedaran

Kamarudin Abdollah

Susun Letak

Sa'diah Sanad

Fotografi

Ahmad Nizam Shaari

Proses Akhir

Pusat Penerbitan dan Percetakan UKM

Sidang Pengarang INSPIRASI amat mengalu-alukan sumbangan artikel, berita atau rencana mengenai pengurusan maklumat dan keilmuan. Sila hantarkan berita atau artikel kepada:

Editor INSPIRASI

Perpustakaan Tun Seri Lanang

43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-89215854

Emel: shahrn@ukm.my (Ketua Editor)

Emel: m_adnan@ukm.my (Editor)

Peranan Pustakawan Menangani Isu Plagiarisme

Oleh: Lela Ruzma Mohd Shaari

Plagiarisme merupakan satu isu yang sukar dibendung kerana tahap kesedaran yang pelbagai dikalangan pelajar dan akademik. Dalam kebanyakan keadaan pelajar tidak sedar mengenai isu ini disebabkan tiada pengetahuan mengenai isu tersebut atau melakukan secara sengaja. Pengetahuan mereka juga terhad untuk membuat petikan rujukan dari karya penulis asal dengan tepat dalam penulisan mereka. “Part of the dilemma is that many students are unfamiliar what determines plagiarisme and the stumble into it, unawares, not only because they never learned to use sources, but sometimes because they have been taught that research means plagiarisme” (White 205).

Terdapat berbagai definisi Plagiarisme. Di antaranya seperti berikut:

- i) Random House Compact Dictionary (1995)
Penggunaan atau peniruan bahasa atau pemikiran penulis lain dan menghasilkan semula sebagai hasil asli penulis yang kedua.
- ii) Webster Dictionary (1998)
Ideas, passages, extract from another’s work, representing them as one’s “own”.
- iii) Dari segi entimologi
Berasal dari perkataan Latin iaitu “plagiarus” yang bermaksud pencuri, pencolek.

Seseorang itu melakukan plagiarisme apabila ada elemen berikut:

- i) Menyerahkan hasil penulisan orang lain sebagai milik sendiri.
- ii) Meniru perkataan/idea orang tanpa memberi penghargaan atau petikan yang sewajarnya.
- iii) Tidak menggunakan tanda pembuka dan penutup kata “.....” kepada frasa atau ayat secara lengkap (verbatim) dari penulisan orang lain.
- iv) Memberi maklumat palsu atau tidak lengkap mengenai sumber dengan sengaja.
- v) Menukar perkataan tetapi masih menggunakan struktur ayat yang sama.

- vi) Menggunakan/meniru terlalu banyak perkataan penulis asal dan mengakui sebagai hak milik sendiri.

Daripada elemen yang disenaraikan kecenderungan melakukan plagiarisme adalah tinggi. Ia dikategorikan sebagai salah satu kes penyelewengan atau ketidakjujuran akademik. Hasil kajian yang telah dibuat menunjukkan ia berlaku disetiap peringkat: 52 % pelajar sekolah tinggi “cut and paste” dari internet (Mc Cabe 2001) ; 33% mengakui meniru satu dokumen untuk tugas (Josephson Institute of Ethics 2006)

Universiti Virginia: Kajian Profesor Louis Bloomfield telah mendapati seramai 158 dari 500 pelajar dari kelas Fizik di bawah penyeliaannya telah menipu dengan menggunakan tugas yang telah dihasilkan dari kelas-kelas pelajar beliau yang terdahulu.

Peranan Pustakawan

Perpustakaan sebagai organisasi yang menguruskan maklumat untuk memenuhi keperluan pelanggannya boleh memainkan peranan menangani isu ini. Pustakawan perlu peka dan bertindak secara proaktif samada di peringkat awal sebelum berlaku plagiarism atau tindakan itu telah dilakukan. Di antara peranan yang boleh dimainkan adalah seperti berikut:

Pertama

Pustakawan boleh membantu fakulti/universiti menyebarkan maklumat mengenai plagiarism sebagai satu lagi modul dalam Kursus Kemahiran Maklumat yang diadukan. Perkara-perkara asas seperti takrif, aktiviti-aktiviti yang dikategorikan sebagai plagiarisme, kaedah mengelakkan atau mengurangkannya perlu dijelaskan. Tindakan ini akan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan Rujukan dan Khidmat Nasihat yang diberikan oleh Pustakawan bukan setakat memberi maklumat tetapi memastikan kesahihan maklumat tersebut.

Kedua

Secara tidak langsung modul Kursus Kemahiran Maklumat memang mempunyai perkaitan dengan isu plagiarism. Di peringkat awal kursus pelanggan diberi panduan mengesan maklumat mengikut pelbagai format dan bidang. Melalui Kursus EndNote pelanggan diberi panduan membuat petikan bibliografi, nota kaki dan membuat petikan dari sumber maklumat bercetak dan elektronik yang telah dikesan dalam peringkat awal tadi. Hasilnya maklumat mengenai sumber maklumat penulis asal mudah diperolehi untuk semakan seterusnya. Pensyarah akan mudah melakukan semakan keatas sumber yang disenaraikan sekiranya maklumat tersebut adalah tepat.

Ketiga

Pustakawan boleh membantu dengan menyampaikan maklumat kepada fakulti mengenai tapak di Internet yang dikategorikan sebagai “papermills”. Melalui tapak ini sesiapa saja boleh memperoleh esei (pre-written term papers) di peringkat kolej dan institut pengajian tinggi dengan pembayaran secara dalam talian melalui kad kredit. Contoh tapak tersebut *Research-Paper.net*, *Research Paper Online*, *Paper123.com* dll. Pengesanan plagiarisme boleh dilakukan secara rambang dengan membuat perbandingan di antara hasil penulisan tersebut dan tugas yang diserahkan oleh pelajar.

Keempat

Seiring dengan kewujudan “papermills” terdapat juga perkhidmatan pengesanan plagiarisme yang diperolehi secara langganan. Kemudahan ini juga menyediakan tempoh percubaan sebelum langganan dilakukan. Di antaranya ialah Turnitin.com, Eve2 (Essay Verification Engine), Glatt Plagiarism Services, Plagiarism.org dll. Di Universiti Hofstra, dengan penggunaan Turnitin dalam tahun 2002 bilangan tugas yang sepadan dengan penerbitan di Internet menurun sebanyak 12%. Pada tahun sebelumnya semasa mula di perkenalkan peratus bahan yang sepadan adalah 34%. Matlamat universiti ini mengurangkan plagiarisme untuk mengekalkan integriti akademik, kaedah perisian Turnitin adalah salah satu caranya. Pihak perpustakaan dan pustakawan membantu dengan memberi kursus mengenai plagiarism serta pendidikan pencarian maklumat yang berkesan dari koleksi perpustakaan dalam pelbagai format. Kursus kemahiran pencarian maklumat dari Internet diberikan juga untuk penggunaan maklumat tersebut dengan tepat dan mengelakkan plagiarisme.

Kelima

Pustakawan juga boleh membuat jaringan dengan berkongsi pengalaman melalui wacana, bengkel dan perbandingan dengan langkah-langkah yang dilakukan oleh Perpustakaan yang lain menangani isu ini. Penandaran amalan terbaik dikalangan perpustakaan akademik yang lain boleh dijadikan panduan untuk tindakan yang sewajarnya.

Contohnya Perpustakaan Universiti Alberta telah bersifat proaktif dengan menyediakan satu bahagian khusus di laman webnya untuk isu plagiarisme. Dengan terperinci maklumat mengenai plagiarisme dibahagikan mengikut keperluan pelajar dan fakulti. Perkara-perkara asas seperti istilah, cara mengesan dan mengelakkan plagiarisme disediakan untuk kedua-dua kategori. Sebagai maklumat tambahan pautan juga dibuat kepada sumber maklumat yang baik untuk penyelidikan. Sementara itu Perpustakaan Universiti Brunswick meletakkan isu plagiarisme di bawah tajuk penyelidikan. Maklumat terperinci diberikan berkaitan plagiarisme termasuklah panduan penulisan yang baik, gaya penulisan yang standard, cara petikan serta pautan yang berkaitan dengan penyelidikan.



Kesimpulan

Isu plagiarisme adalah berkait rapat dengan penulisan penyelidikan dan integriti akademik di universiti dewasa ini. Keterlibatan perpustakaan tidak dapat dielakkan, kerana koleksi perpustakaan merupakan salah satu sumber maklumat pelanggan. Pendidikan pelanggan di perpustakaan perlu bergerak seiring dengan keperluan dan isu semasa suasana pembelajaran dan penyelidikan yang bertambah kompleks dengan kewujudan rangkaian Internet. Istilah plagiarism telah dirumitkan lagi dengan plagiarism siber yang memerlukan kaedah yang lebih proaktif dan berkesan kerana cakupan maklumat lebih meluas tanpa sempadan.

Dari sudut seorang pustakawan, pengesanan plagiarism bukanlah objektif utama tetapi yang penting ialah pendidikan sepanjang hayat berkaitan pencarian,

pengesanan dan persembahan semula maklumat dari pelbagai sumber dan penghasilan penyelidikan akademik yang berkualiti dan asli.

Sebagai penutup dipaparkan ungkapan ini yang menarik dari Laman Web Universiti Alberta mengenai salah satu kaedah mengelakkan plagiarism “Talk to a librarian! They are there to help you with your research and they also offer free instruction session.....”



Pembangunan Koleksi Dokumen Di Perpustakaan Tun Seri Lanang

Oleh: Siti Wahida Amanullah

Dokumen merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Ketiga adalah sesuatu yang bertulis atau bercetak (seperti sijil kelahiran, sijil kematian, dll) yang digunakan sebagai rekod atau bukti. Bahan dokumen terdiri daripada semua bahan terbitan kerajaan pusat, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan di Malaysia, negara-negara luar serta Negara ASEAN. Terbitan kerajaan ini merupakan dokumen penting yang merakamkan pelbagai dasar, perangkaan, peraturan, program, laporan, rancangan dan aktiviti kerajaan. Keunikan dari segi sifat dan ciri yang tersendiri menjadikan bahan dokumen berbeza daripada bahan monograf dan terbitan bersiri biasa.

Berdasarkan kepada kepentingan ini, maka wajarlah satu koleksi khas yang mempunyai skim pengkelasan dan pengkatalogan yang tersendiri dibangunkan bagi memudahkan pengurusan dan penggunaannya. Justeru kelahiran Koleksi Dokumen di Perpustakaan Tun



Seri Lanang (PTSL) pada tahun 1974 adalah sesuatu yang istimewa kepada warga universiti khususnya dan warga Malaysia amnya. Koleksi ini bertujuan untuk memudahkan pencarian maklumat bahan terbitan kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan termasuk

pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tabung Wang Antarabangsa (IMF), Bank Dunia (World Bank), dan sebagainya.

Pembangunan koleksi dokumen ini berdasarkan kepada strategi dan usaha warga perpustakaan demi melahirkan satu koleksi yang mantap dan berwawasan dalam mendokumentasi, menyelenggara dan memulihara bahan-bahan dokumen sebagai salah satu warisan negara. Sekeping kertas, poster mahupun brosur yang dipandang sepi oleh sesetengah pihak tetapi dijaga rapi di koleksi ini kerana mempunyai nilai maklumat dan ilmu yang kadang-kala tidak dapat diperolehi daripada bahan bacaan lain. Kewujudan koleksi ini yang bertindak sebagai koleksi penyelidikan tanpa disedari menjadi penyokong kepada pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti dan warganya. Usaha pembangunan ini akan terus berkembang dengan perolehan bahan yang lebih bermutu, pemantapan koleksi serta sistem pengkelasan yang berprinsip demi untuk memudahkan proses pengesanan dan penggunaannya.

Bahan-bahan di koleksi dokumen dikatalog menggunakan Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan Malaysia yang digubal oleh Jawatankuasa Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan Malaysia dibawah Jawatankuasa Kerja Maklumat yang berurusetia di Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Kumpulan Penambahbaikan Kualiti Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Skim pengkelasan yang tersendiri ini diwujudkan supaya semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan menggunakannya dalam mengurus dan mengorganisasi terbitan kerajaan. Kepelbagaian bahan dokumen khususnya bahan terbitan kerajaan menyebabkan salah satu tujuan skim ini dibangunkan agar proses penyusunan dan rujukan dapat dikenalpasti dengan mudah berdasarkan kepada tiga komponen utama iaitu badan perundangan, badan pemerintah dan badan kehakiman.

Proses-proses pembangunan bahan dokumen atau koleksi ini bukan memakan masa dan tenaga serta wang yang sedikit. Ia adalah usaha kreatif dan sebuah inovasi kepada universiti yang sentiasa dahagakan idea-idea segar demi memastikan usaha pembangunan ini terus berkembang. Koleksi dokumen ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan kerana tidak semua perpustakaan berjaya melahirkan sebuah koleksi yang sedemikian rupa. Pemantapan dari segi penyusunan, pengkelasan dan perolehan sentiasa dan akan terus dijalankan untuk sebuah koleksi yang akan menjadi sesuatu yang amat disayangi dan dibanggai oleh warga perpustakaan dan universiti kelak. Insyaa-Allah...

7th Annual Library Leadership Institute: 21st Century Challenges for Library Leaders: Technology, Planning and Organisational Change

Oleh: Hamidah Erman & Rohana Mahmood

Ini merupakan kali kedua Perpustakaan UKM menghantar peserta untuk menghadiri bengkel kepimpinan anjuran The University of Hong Kong Libraries dan I-Group. Bengkel yang ke-7 ini di adakan di



Shenzhen, China pada 8-12 Mei 2009. Pada kali ini tema bengkel adalah mengenai cabaran-cabaran di abad ke-21 untuk ketua/pengurus perpustakaan dari sudut teknologi, perancangan dan perubahan organisasi. Sementara itu objektif bengkel ini adalah :

- untuk mengembangkan dan meningkatkan kualiti pengurusan dan kepimpinan para pustakawan akademik dan penyelidikan di rantau Asia dan sekitarnya.
- untuk meningkatkan kerjasama dan memupuk hubungan akrab di antara perpustakaan akademik dan penyelidikan serantau.

Bengkel yang diadakan selama 5 hari ini telah dihadiri seramai 35 orang peserta, dengan 4 orang penceramah/fasilitator yang sangat berpengalaman. Peserta yang menghadiri bengkel ini terdiri dari peserta daripada China, Hong Kong, Korea, Indonesia, Filipina dan Malaysia. Kesemua peserta dipecahkan kepada enam kumpulan.

Sebanyak lapan kertas kerja telah dibincangkan dan topik-topiknya adalah seperti berikut:

- Planning in a dynamic library
- Transformational leadership and change
- Performance measurement and management
- New technology enabled learning space
- Scholarly communication, open access and the role of repositories
- Resource sharing : cooperation and collaboration
- Library advocacy
- Creating a customer focused organization

Selepas sesi pembentangan kertas kerja oleh para penceramah, beberapa soalan akan diajukan kepada setiap kumpulan untuk dibincangkan dan ahli kumpulan akan memberikan pendapat masing-masing sebelum wakil setiap kumpulan membentangkannya. Selain daripada itu, setiap kumpulan juga perlu membincangkan satu kajian kes yang bertajuk “Financial tsunami : disaster or change opportunity? : case study”. Berdasarkan kajian kes tersebut, setiap kumpulan akan mengadakan perbincangan dan hasil perbincangan itu akan dibentangkan pada hari terakhir bengkel.

Selain daripada ceramah dan aktiviti kumpulan, para peserta telah dibawa melawat ke Shenzhen Library, Shenzhen Book City dan Da Feng Artists Village. Pada malam ketiga, peserta di bawa menikmati persembahan kebudayaan Cina di Cultural Village Show. Kesemua aktiviti ini merupakan satu pengalaman yang sangat menarik dan menyeronokkan. Banyak manfaat telah diperolehi daripada bengkel ini. Semoga pihak pengurusan Perpustakaan UKM dapat meneruskan usaha baik sebegini



dari masa ke semasa dan memberi peluang kepada semua pustakawan untuk menyertai bengkel seperti ini di masa akan datang.

Sisipan Dari “Ma’rad” Cairo

Oleh: Nik Salimah Nik Abdullah

Cairo, 22-28 Jan 2009. Pesta Buku Antarabangsa Cairo (PBAC) yang berlangsung dari 21 Januari hingga 05 Februari 2009 kali ke-41 telah dihadiri oleh Puan Hafsa binti Mohd; Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan Nik Salimah binti Nik Abdullah; Pustakawan Bahagian Koleksi Arab & Tamadun Islam. Rombongan ini juga turut disertai Ketua Pustakawan Universiti Darul Iman, Terengganu, En. Ghazali bin Mat Jamil bersama dua orang pustakawan kanan dan seorang pensyarah dari universiti yang sama.

Pesta buku ini diadakan secara tahunan bagi penerbitan berbahasa Arab dalam pelbagai bidang pengetahuan dan maklumat yang terbesar sekali di dunia yang melibatkan seluruh penerbit Arab di Timur Tengah dan Asia Barat. Ia telah dianjurkan oleh General Egyptian Book Organisation (GEBO) dengan kerjasama London Book Fair, Persatuan Penerbit, dan beberapa organisasi yang lain.

Terdapat pelbagai aktiviti yang telah diadakan di sepanjang pameran tersebut antaranya seminar tentang penerbitan buku ; “Seminar on the promotion of translated literature, Seminar on The Supply Chain and Bookselling in the UK, Seminar on Digital Developments in the UK in bookselling and publishing and the impact on copyright, New reading, writing and publishing initiatives in the Middle East” dan lain-lain.

Pesta ini disertai oleh 765 penerbit daripada 27 buah negara. Tiket masuk dikenakan kepada para pengunjung LE1(RM1). Di tapak pusat pameran tersebut, terdapat 6 buah dewan besar di samping beberapa deretan kedai sementara didirikan.

Sepanjang PBAC berlangsung, buku terkini telah dipilih dalam pelbagai bidang pengajian Islam dan ketamadunan serta pengajian bahasa Arab dan kesusasteraan. Oleh kerana banyak gerai jualan terdapat kemudahan pengangkutan awam (tram) bagi kegunaan pelanggan untuk bergerak dari satu dewan ke dewan yang lain. Pengasingan dewan dibuat bagi penerbit tempatan (Mesir sahaja), penerbit negara Arab dan penerbit asing (buku-buku berbahasa Inggeris dan lain).

Ia juga merupakan pengalaman yang menarik apabila dapat melihat semangat dan budaya ilmu amat kuat dan tinggi di kalangan masyarakat di Mesir khususnya dan rantau Arab amnya. Mereka sanggup menunggu di awal pagi untuk masuk ke pesta buku tersebut dan



berpusu-pusu masuk apabila pintu masuk di buka dan bersama mereka beg-beg serta troli, ini bertujuan memudahkan mereka apabila membawa balik buku yang telah dibeli. Mesir ini boleh dikatakan ‘syurga buku’ dengan lambakan khazanah ilmu dalam pelbagai bidang. Dikatakan ulama-ulama terkemuka dunia akan datang ke pesta ini bagi menandatangani buku-buku milik peribadi mereka. Namun waktu pemilihan agak terhad kerana waktu siang pendek oleh kerana Mesir ketika itu musim sejuk.

Di samping membuat pemilihan buku, pengalaman melawat Library of Alexandria atau Perpustakaan Iskandariyah tidak disia-siakan. Ia merupakan perpustakaan tertua di dunia yang telah dibangunkan semula dengan kemudahan teknologi terkini. Begitu juga dengan beberapa tempat bersejarah iaitu Piramid di Giza yang merupakan satu daripada tujuh keajaiban dunia. Sepanjang perjalanan ini, banyak pengetahuan dan maklumat yang tidak ternilai dapat dikutip apabila melihat kesan-kesan peninggalan sejarah para Anbiya’ dan pejuang Islam di bumi Qaherah ini.

Secebis Kenangan: Kembara Ilmu di Bumi London

Oleh: Shahrudin Shafri & Abu Bakar Maidin

Gembira tak terkata, mimpi yang dulunya mungkin mainan tidur semata, tiba-tiba menjadi nyata. Surat daripada Ketua Pustakawan telah mengesahkannya. Saya telah dipilih untuk mewakili Perpustakaan UKM membuat pemilihan buku-buku untuk koleksi perpustakaan di London. Alhamdulillah sudah tentu pengalaman pertama ini mengujakan kerana apa yang dibaca dalam buku sejarah, yang dilihat didalam media massa dan mendengar cerita akan dilalui secara nyata dan berpijak dibumi bekas penjajah kita.

Perjalanan pertama selama 12 jam menaiki pesawat MAS memang memenatkan, tetapi sungguh menyeronokkan. Perbezaan waktu 5 jam sungguh terasa dan sempatlah menjalani kewajipan bersolat secara jamak dan qasar di atas kapalterbang.

Pesta Buku Antarabangsa London adalah merupakan acara tahunan yang di anjurkan oleh Persatuan Penerbit Buku England. Ianya merupakan satu pasaran global yang terbaik di mana berlakunya urusan perkongsian bahan maklumat antara penerbit, pemborong dan pembeli di dalam semua bahan seperti buku-buku akademik, audio, tv, filem dan digital. <http://www.londonbookfair.co.uk/page.cfm/link=318>. Pada tahun ini Pesta Buku Antarabangsa London telah di adakan di Earls Court London, bermula pada 20-22 April dari jam 9.00 pagi hingga 6.30 petang.

Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia telah di wakili oleh saya dan Encik Abu Bakar Maidin, Ketua Pustakawan. Penyertaan ini diselaraskan oleh Persatuan Pustakawan Malaysia yang turut juga di sertai oleh pembekal-pembekal buku, pustakawan daripada Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Kelantan serta Dekan Pusat Pengajian Keusahawanan daripada Universiti Malaysia Kelantan.

Dalam lawatan ini pelbagai pengalaman baru telah dapat diperolehi. Di antaranya bagi pihak perpustakaan telah dapat memilih pelbagai tajuk buku akademik yang relevan dengan sistem pembelajaran di UKM. Terdapat perbagai tajuk buku terbaru yang diterbitkan pada tahun 2009 oleh pelbagai penerbit di seluruh dunia. Pada tahun ini lebih kurang 864 pembekal seluruh dunia berkumpul di sana termasuk dari India. Pada tahun ini London Book Fair memfokuskan kepada pasaran buku India. Dalam hal ini terdapat hampir 300 penerbit, pembekal buku-buku daripada India mempamerkan buku-buku dalam pelbagai bidang.

Bagi Perpustakaan UKM, kami telah membuat pemilihan buku-buku dalam pelbagai bidang yang sesuai

dengan kehendak bidang pengajian, pembelajaran dan penyelidikan. Sejumlah tajuk-tajuk buku terbaru telah di pilih dan disahkan belum ada di dalam koleksi perpustakaan dan ianya akan dibekalkan oleh pembekal buku yang dilantik secara rasmi dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan UKM. Kami juga perpeluang memilih buku-buku yang maklumatnya tidak terdapat di Malaysia.

UKM boleh menjadikan Pesta Buku Antarabangsa



London sebagai platform yang baik untuk mendapatkan pelbagai tajuk-tajuk buku terbaru bagi sesebuah perpustakaan universiti penyelidikan dan akademik. Di pihak Kementerian Pengajian Tinggi, sudah tentu dapat melonjakkan prestasi pembinaan koleksi perpustakaan universti akademik yang berada di bawah pengawasan mereka.

Kami juga telah melawat British Library bersama seorang pustakawan dan beliau telah membawa kami ke beberapa bahagian dan koleksi yang terdapat di British Library. Antaranya pameran koleksi manuskrip yang sedang berlangsung, British Library juga mempunyai banyak manuskrip yang usianya beratus tahun. Pihak British Library melantik Kurator dan mereka ini menjalankan penyelidikan terhadap koleksi manuskrip ini dan hasilnya adalah penerbitan buku-buku. Kaedah ini boleh digunakan di Malaysia dalam menghasilkan penerbitan-penerbitan buku berdasarkan manuskrip-manuskrip yang terdapat di pelbagai institusi di Malaysia.

Pesta Buku Antarabangsa London telah memberi pendedahan baru kepada pustakawan di dalam membangunkan koleksi perpustakaan mereka. Pelbagai tajuk buku akademik dalam pelbagai bidang akan menguatkan koleksi mereka dan membantu universiti (UKM) sebagai universiti penyelidikan utama dan juga kearah Universiti APEX.

Peluang yang diberikan kepada pustakawan untuk membuat pemilihan buku dan pendedahan di luar negara juga adalah satu pengalaman menarik yang boleh dikongsi bersama dan akan memantapkan mereka di dalam dunia globalisasi industri perbukuan tanpa sempadan ini. Ini tentunya memantapkan kami dalam dunia kepustakawanan terutama memajukan perkhidmatan perpustakaan.

The London Book Fair, 20-22 April 2009



Ke arah Peralihan MS ISO 9001:2008

Oleh: Noraashikin Mohd Yusop

Pada 7 Mei 2009, telah diadakan Kursus Peralihan MS ISO 9001: 2000 ke MS ISO 9001: 2008 yang bertempat di Bilik Serbaguna, Aras 2, Perpustakaan Tun Seri Lanang. Peserta terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Sokongan Perpustakaan UKM. Ceramah telah disampaikan oleh Encik Mohd Bakri Jali dari Jabatan Perkhidmatan Kualiti, SIRIM Berhad. Antara objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada kakitangan perpustakaan mengenai perubahan-perubahan baru yang terdapat di dalam MS ISO 9001: 2008. Antara topik yang diketengahkan semasa kursus adalah mengenai Justifikasi Perubahan, Perincian kepada Perubahan dan Pengurusan Peralihan Standard. Semoga dengan adanya kursus ini, kakitangan perpustakaan akan lebih memahami dan bersiap sedia ke arah peralihan MS ISO 9001: 2008.

Lawatan Penandaarasan ke Perpustakaan Undang-Undang, Universiti Malaya

Oleh: Norliah Sukarno



Pada 10 Jun 2009, Perpustakaan Undang - Undang telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Perpustakaan Undang - Undang Universiti Malaya. Hampir semua kakitangan PUU telah turut serta dalam lawatan penandaarasan ini. Matlamat utama lawatan penandaarasan ini dijalankan

untuk mengenalpasti amalan terbaik yang dilaksanakan di Perpustakaan Undang - Undang Universiti Malaya dalam aspek pembangunan koleksi, kemudahan dan perkhidmatan. Selain daripada itu, lawatan ini juga memberi peluang untuk meninjau dengan lebih dekat berkenaan perkembangan perpustakaan, kakitangan, bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman dengan rakan sejawat serta mengeratkan hubungan silaturrahim.

Bengkel Pengurusan Bahan Dokumen

Oleh: Noraashikin Mohd Yusop

Bengkel Pengurusan Bahan Dokumen telah diadakan pada 27 Mei 2009 bertempat di Makmal Prasiswazah, siber@ptsl, Perpustakaan Tun Seri Lanang. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk:

- memberi kefahaman dan pengetahuan secara profesional tentang pengurusan bahan terbitan kerajaan/badan berkanun Malaysia serta bahan terbitan kerajaan-kerajaan lain.



- memantapkan pengetahuan dan kefahaman tentang perolehan, pengumpulan dan pembangunan bahan-bahan terbitan kerajaan.
- memantapkan kefahaman, kemahiran tentang sistem pengelasan dan pengkatalogan bahan-bahan terbitan kerajaan kepada kakitangan Koleksi Asia Tenggara dan Dokumen agar dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.

Para peserta terdiri daripada Pegawai dan Kakitangan Bahagian Koleksi Asia Tenggara dan Dokumen, kakitangan perpustakaan di bahagian-bahagian lain dan perpustakaan cabang. Penceramah telah didatangkan khas dari Perpustakaan Undang-Undang iaitu Puan Rosnah Suliman selaku Ketua Perpustakaan Undang-Undang juga mantan Ketua Bahagian Koleksi Asia Tenggara dan Dokumen. Antara topik yang dibincangkan adalah Pengenalan kepada Bahan Dokumen, Skim Pengelasan/ Penyusunan Bahan Dokumen dan Kaedah Pencarian Bahan Dokumen. Para peserta juga diuji kefahaman mereka melalui kuiz yang diadakan pada penghujung bengkel. Rata-rata peserta kursus memahami dan melahirkan rasa puas hati terhadap maklumat yang telah disampaikan oleh penceramah.

Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Kolej

Oleh: Noraashikin Mohd Yusop

Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Kolej telah diadakan di Perpustakaan Tun Seri Lanang pada awal tahun 2009. Ia telah diadakan sebanyak 2 sesi iaitu pada 17 Januari 2009 dan 7 Februari 2009. Bengkel ini dianjurkan oleh Perpustakaan UKM dengan kerjasama



Bahagian Akademik Kolej, Pusat Perkembangan Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk:

- meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan koleksi perpustakaan dan sumber maklumat untuk pembelajaran dan penyelidikan pelajar.
- memberi pendedahan yang lebih komprehensif dan terkini mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan untuk pelanggan perpustakaan khususnya pelajar di kolej.
- meningkatkan penglibatan Pustakawan dalam aktiviti kolej yang berkaitan dengan pembelajaran dan penyelidikan pelajar melalui kerjasama di antara Perpustakaan dan Kolej.

Para peserta bengkel terdiri daripada JAKSA Pusat Sumber Kolej dan pelajar yang menguruskan Pusat Sumber Kolej. Tiga orang pustakawan dari Perpustakaan Tun Seri Lanang telah dijemput untuk memberikan ceramah. Mereka ialah Encik Jamain Manap, Cik Ruzita Kamis dan Puan Azmah Ishak. Semasa bengkel dijalankan, para peserta didedahkan mengenai Perolehan Bahan, Pengelasan dan Penyusunan Bahan, Pembinaan Pangkalan Data Pusat Sumber serta Perkhidmatan dan Kemudahan Pusat Sumber. Para peserta juga telah diberikan tugas mengenai perancangan yang akan dibuat ke atas Pusat Sumber Kolej masing-masing. Di akhir bengkel telah diumumkan pemenang bagi persembahan kumpulan yang terbaik. Pemenang tempat pertama telah dimenangi oleh Kolej Rahim Kajai. Dengan adanya bengkel ini telah berjaya memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai pengurusan Pusat Sumber di kolej masing-masing.

Bengkel Pengkatalogan Bahan Undang-Undang

Oleh: Mohd Adnan Baharom

Pada 20 Januari 2009 (Selasa), Perpustakaan Undang-Undang dengan kerjasama Law Librarian's Group of Malaysia (LLG) telah menganjurkan Bengkel Pengkatalogan Bahan Undang-Undang bertempat di Bilik Tayangan, Perpustakaan Undang-Undang UKM. Bengkel sehari tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Haji Abu Bakar Maidin, Ketua Pustakawan UKM dan disertai oleh Pustakawan dan kakitangan yang terlibat dalam proses pengkatalogan bahan undang-undang, antaranya dari UM, UIAM, USIM, UUM dan juga jabatan kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara dan Mahkamah Persekutuan. Objektif bengkel ini diadakan untuk memahami kaedah dan strategi pengkatalogan bahan yang lebih sistematik di samping mengenalpasti masalah yang dihadapi berkaitan pengkatalogan bahan undang-undang. Bengkel yang disampaikan oleh Pn. Anna Kustiyana Mukandar ini telah berjaya mengenalpasti beberapa masalah yang dihadapi berkenaan dengan bahan undang-undang seperti penetapan entri dan juga proses pengkatalogan bahan statut.

Sekitar Lawatan Canselor ke Perpustakaan Undang-Undang

Oleh: Norliah Sukarno

Tarikh 25 Jun 2009 merupakan tarikh yang amat bermakna buat warga Perpustakaan Undang-Undang UKM. Ini kerana pada tarikh tersebut Tuanku Canselor UKM yang baru iaitu Yg Maha Mulia Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir (Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus) telah mencemar duli melawat Fakulti Undang-Undang dan seterusnya ke Perpustakaan. Lawatan Tuanku Canselor ke Fakulti Undang-Undang adalah sempena lawatan rasminya ke UKM. Tuanku Canselor telah diiringi oleh Tuanku Ampuan, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan Pegawai Tertinggi Universiti. Sempena lawatan Tuanku Canselor, PUU telah membuat persiapan rapi antaranya menaiktaraf karpet, menukar sofa dan menambah bilangan komputer. Terdapat dua pameran di dalam PUU iaitu pameran berkenaan perpustakaan dan satu lagi pameran berkenaan Alumni Aberswyth.

SEKITAR LAWATAN CANSELOR



Forum Intelektual: Peranan Pustakawan di Universiti Penyelidikan

Oleh: Mohd Adnan Baharom

Pada 3 Jun 2009 (Rabu) Perpustakaan UKM melalui QIT Teknikal telah menganjurkan Forum Intelektual: Peranan Pustakawan di Universiti Penyelidikan. Forum yang julung kali diadakan ini bertujuan memberi kefahaman tentang konsep dan keperluan Universiti Penyelidikan, mengupas peranan dan tanggungjawab pentadbir khususnya Pustakawan di Universiti Penyelidikan, dan menyemarakkan budaya penyelidikan dan penulisan ilmiah di kalangan Pustakawan.

Forum yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Abdul Rahman Embong, Felo Penyelidik Utama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa UKM (IKMAS) ini turut dihadiri oleh 2 orang ahli panel yang berkaliber iaitu Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Shamsul Amri Baharudin, Pengarah Institut Kajian Etnik UKM (KITA) dan Y. Bhg. Dato' Zawiyah Baba, Felo Penyelidik Utama Institut Alam & Tamadun Melayu UKM (ATMA).

Forum yang dihadiri oleh Pustakawan dari UKM dan IPTA lain seperti UM, UPSI, UiTM, USIM, UMT, UPNM, OUM, UPSI, UMK dan MMU telah membincangkan secara mendalam peranan pustakawan dan perpustakaan dalam ekosistem ilmu di Universiti Penyelidikan. Ahli panel juga turut menggariskan 7 teras peranan pustakawan dan perpustakaan di Universiti Penyelidikan. Antaranya meluaskan akses dan meningkatkan kebolehcapaian maklumat, mengisi keperluan sumber maklumat dan ilmu untuk pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan memperkasa penyelidikan dan inovasi; memperkasakan professionalism kepustakawanan. Manakala 3 teras yang seterusnya adalah mempergiat pengantarabangsaan; pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat; dan mengukuh sistem penyampaian perkhidmatan.

Forum diakhiri dengan sesi soal jawab di mana pelbagai isu telah diutarakan oleh peserta untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan ahli-ahli panel mengenai peranan pustakawan dan perpustakaan di Universiti Penyelidikan.



Jejak Maklumat: Penjejakan Berterusan Musim Ke 2

Oleh: Rosmarlidaini Mah Hassan

Bertarikh 23 Jun 2009, Pertandingan Jejak Maklumat kembali. Sambutan menggalakkan dan maklum balas positif yang diberikan



pada musim lalu telah mendorong jawatankuasa QIT Pengurusan untuk terus mengadakan Pertandingan Jejak Maklumat musim ke-2 untuk kakitangan Perpustakaan.

Seperti musim pertama, pertandingan ini terbuka untuk semua kumpulan KIK yang mana setiap KIK akan mewakili 5 peserta sahaja untuk menyertainya. Pada musim ke-2 ini, terdapat satu penambahan kumpulan KIK menjadikan jumlah keseluruhan yang bertanding ialah 15 kumpulan.

Pertandingan ini yang mana antara objektifnya adalah untuk meningkatkan kemahiran pencarian maklumat di kalangan kakitangan perpustakaan, meningkatkan pengetahuan kakitangan mengenai koleksi perpustakaan, memupuk budaya kerjasama diantara kakitangan dan memupuk semangat kekitaan diantara ahli-ahli KIK Perpustakaan. Ianya melibatkan kemahiran pencarian maklumat secara "on-line" seperti penggunaan OPAC GEMILANG, KDUKM dan pencarian jurnal elektronik selain pengesanan bahan seperti buku, jurnal dan bahan media di rak. Kemahiran dalam pencarian maklumat ini adalah amat penting kepada kakitangan terutamanya

dalam membantu pelanggan mendapatkan maklumat dengan tepat dengan cepat. Sebagai persediaan kepada peserta pertandingan, QIT Pengurusan selaku urusetia atau penganjur pertandingan, telah mengadakan satu taklimat pada 10 Jun 2009. Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan secara umum mengenai pertandingan dan pendedahan mengenai koleksi di PTSL, terutama kepada kakitangan dari perpustakaan cabang.

Pemenang yang dipilih adalah berdasarkan ketepatan jawapan yang diberikan dan dikira masa terpantas. Sebanyak 10 soalan telah diberikan. Berbeza dengan musim pertama, dimana musim kedua ini sebanyak 5 pemenang telah dipilih, dimana tempat pertama dalam pertandingan kali ini telah disandang oleh kumpulan KIK dari perpustakaan cabang iaitu KIK Mizan, tempat kedua, KIK Warisan, tempat ketiga KIK Klik, keempat KIK Global Information dan tempat kelima KIK Pantas.

Dalam pertandingan ini, sebanyak 15 laluan telah disediakan, dan pemilihan laluan untuk setiap kumpulan adalah berdasarkan undian yang dilakukan sebelum pertandingan bermula. Keceriaan pertandingan ini ditambah lagi dengan pemakaian baju yang seragam dikalangan peserta yang bertanding.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada kumpulan KIK yang telah mendapat tempat pertama hingga kelima dalam pertandingan jejak maklumat pada kali ini. Diharapkan agar pertandingan ini akan terus diadakan pada masa yang akan datang.



Projek Naik Taraf Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu

Oleh: Nor Asiah Mohamad

Mulai bulan
 Julai 2009,
 Perpustakaan
 Alam dan Tamadun Melayu
 telah melalui proses naik taraf
 bangunan secara berperingkat
 yang dimulakan di Aras 3
 perpustakaan. Bermula
 Oktober 2009, semua
 perkhidmatan termasuk
 perkhidmatan pinjaman dan
 rujukan telah ditutup kepada
 pelanggan kerana semua
 buku-buku telah disimpan
 ke dalam kotak. Pelanggan
 hanya dibenarkan membuat
 pemulangan bahan dan
 bayaran denda sama ada di
 Perpustakaan ATMA atau di
 Perpustakaan Tun Seri Lanang.
 Makluman mengenainya
 telah dinyatakan kepada
 pelanggan melalui laman web
 Perpustakaan ATMA, e-warga
 dan notis di pintu masuk
 Perpustakaan ATMA.

Bagaimanapun, aktiviti pejabat seperti perolehan dan pengkatalogan bahan masih dilakukan seperti biasa walaupun kakitangan berada dalam ruang kerja yang kurang selesa dan sempit. Sebelum projek naik taraf dimulakan, kakitangan Perpustakaan ATMA terlebih dahulu terlibat dengan tugas-tugas seperti memasukkan bahan koleksi perpustakaan ke dalam kotak (koleksi di Aras 2 dan 3),



mengemas ruang pejabat dan perabot serta peralatan. Projek naik taraf perpustakaan ini dijangka siap dan boleh berfungsi sepenuhnya pada awal 2010. Semua koleksi perpustakaan dan perkhidmatan kaunter akan ditempatkan di Aras 3 dan ruang pejabat Perpustakaan ATMA akan ditempatkan di Aras 2 meliputi Bahagian Perolehan, Bahagian Katalog dan Bahagian Pentadbiran.



Jasamu Dikenang

Oleh: Rosmarlidaini Mah Hasan

Sumber manusia merupakan satu sumber yang amat penting untuk perjalanan sesebuah organisasi. Kecemerlangan dan pencapaian organisasi bergantung kepada kecemerlangan kakitangannya. Begitulah juga dengan Perpustakaan UKM. Sumbangan dan kerjasama yang telah diberikan oleh kakitangan merupakan aset yang tidak ternilai.

Sehubungan dengan itu, satu majlis mengenang jasa telah diadakan pada 12 Mac 2009 yang lalu untuk menghargai 3 orang kakitangan Perpustakaan yang telah bersara. Mereka yang diraikan ialah Cik Noraliah Mohamad Yasin, Pustakawan dari Bahagian Katalog yang telah bersara pada akhir Februari 2009, Puan Umi Kalthom Mohd Dani Pembantu Perpustakaan Kanan dari Bahagian Perolehan yang telah menamatkan perkhidmatan beliau pada 5 Mac 2009, dan Encik Mohd Sopian Hassan, Pembantu Am Pejabat dari Bahagian Koleksi Asia Tenggara Dokumen yang telah bersara pada 1 Januari 2009. Jasa dan bakti mereka amatlah besar ertinya kepada Perpustakaan.

Cik Noraliah Mohamad Yasin merupakan seorang "senior" yang amat dihormati dan dikagumi ilmunya terutama dalam pengkatalogan bahan. Beliau sentiasa menjadi sumber rujukan utama samada pada pustakawan ataupun kakitangan lain. Ilmu yang diperturunkan oleh beliau akan terus digunakan oleh kakitangan perpustakaan dalam peningkatan kualiti dan hasil kerja khususnya.



*Pencapaian cenderahati kepada
Pn. Umi Kalthom*



*Pencapaian cenderahati kepada
Cik Noraliah Mohamad Yasin*



*Pencapaian cenderahati kepada
En. Mohd Sopian Hassan*

Begitu juga dengan Puan Umi Kalthom Mohd Dani dan Encik Mohd Sopian Hassan, jasa-jasa dan bakti mereka banyak membantu dalam peningkatan produktiviti bahagian khususnya dan Perpustakaan amnya. Semangat kerjasama yang telah diberikan merupakan jasa yang tidak ternilai kepada Perpustakaan. Walaupun majlis yang telah diadakan ini tidak mampu membalas segala jasa-jasa dan sumbangan mereka, tetapi diharapkan agar ianya menjadi landasan untuk kita berkongsi penghargaan dan ucapan terima kasih untuk segala bakti mereka.

Adalah diharapkan agar majlis sebegini akan terus diadakan untuk menghargai jasa dan bakti kakitangan yang telah bersara dan akan menjadi pembakar semangat untuk kakitangan yang masih menyumbangkan bakti mereka kepada perpustakaan dan universiti.

BERITA KAKITANGAN

KAKITANGAN BARU

Nama	Jawatan	Bahagian/Jabatan
1. Mohd Syamrooz Kamal Mhd Redza	Pustakawan S41	Katalog
2. Mohd Baderi Ahmad	Pembantu Am Pejabat N1	KAT/DOK
3. Mohd Nazwan Abd. Kadir	Pembantu Am Pejabat N1	PATMA
4. Mohd Afiq Suimeyami	Pembantu Perpustakaan S17	PUU
5. Mohd Azam Dinon	Pembantu Perpustakaan S17	Perkhid. Pelanggan
6. Ahmad Azhar Mohd Zain	Pembantu Perpustakaan S17	Perkhid. Pelanggan
7. Ahmad Khairul Anuar Ahmad Fauzi	Pembantu Tadbir (P/O) N17	Pentadbiran & Kualiti
8. Asmida Omar	Pembantu Pemuliharaan S17	Peng. Jurnal & Jilidan
9. Zaker Abd. Rahman Burhanuddin	Pembantu Am Rendah N4	Perkhid. Pelanggan
10. Siti Robiahtul Adawiyah Abdul Rahman	Pembantu Tadbir Rendah N11	Pentadbiran & Kualiti
11. Wan Nurshafiq Karim	Pembantu Perpustakaan S17	PPPUKM

PERSARAAN

Nama	Jawatan	Bahagian/Jabatan
1. Umi Kalthom Mohd Dani	Pembantu Perpustakaan S22	Perolehan
2. Umar Md. Tan	Pembantu Perpustakaan S17	Perkhid. Pelanggan
3. Noraliah Mohamad Yasin	Pustakawan S41	Katalog
4. Che Ann Ismail	Pembantu Tadbir (S) N17	Prog. Peng. Perkhidmatan
5. Mohd Sopian Hassan	Pembantu Am Pejabat N1	KAT/DOK

KENAIKAN PANGKAT

Nama	Jawatan	Bahagian/Jabatan
1. Nor Sahabinar Atan	Pembantu Perpustakaan S22	Perolehan
2. Asrul Anwar Shaari	Pembantu Perpustakaan S22	PPPUKM
3. Abdul Wahab Yusoh	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	PDAL
4. Azmi Hj. Saed	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Perkhid. Penyelidikan
5. Kamaruzaman Ali	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Perkhid. Pelanggan
6. Mahamat Rosiki Husain	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	KAT/DOK
7. Meor Jalaluddin Meor Jamaluddin	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	PDAL
8. Mohd Ariff Alias	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Katalog
9. Norlaili Mohd Salleh	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Katalog
10. Sahrur Rudi Abd. Rahman	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Kol. Arkib, Galeri & Khas
11. Zabidah Ahmad	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Katalog
12. Siti Habsah Mohd Salleh	Juruteknik J11 (KUP)	Koleksi Media
13. Maznah Yunus	Pembantu Tadbir (P/O) N17	KAT/DOK
14. Azreen Abu Hadin	Pembantu Tadbir (P/O) N17	Perolehan
15. Hanim Yahya	Pembantu Tadbir (P/O) N17	Perkhid. Pelanggan
16. Hayati Yahaya	Pembantu Tadbir (P/O) N17	PPPUKM
17. Noorashikin Mohamad	Pembantu Tadbir (P/O) N17	Kol. Arab & Tamadun Islam
18. Rosmizawaty Muhd Nor	Pembantu Tadbir (P/O) N17	Perolehan
19. Rugayah Mohd Nor	Pembantu Tadbir (P/O) N17	PUU
20.	Sulaiman Hj. Abdul Wahab	Pembantu Tadbir (P/O)

BERITA KAKITANGAN

KENAIKAN PANGKAT

Nama	Jawatan	Bahagian/Jabatan
21. Zuraidah Mustapha	Pembantu Tadbir (P/O) N17	Peng. Jurnal & Jilidan
22. Wan A'sah Wan Abdul Aziz	Pen. Pegawai Perpustakaan S32	Perkhid. Maklumat
23. Abdul Azam Wahab	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Peng. Jurnal & Jilidan
24. Abd. Razak Khalid	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Peng. Jurnal & Jilidan
25. Ahmad Farid Abdullah	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Perolehan
26. Bahari Chan	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Perkhid. Maklumat
27. Bakri Abu Yazid	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Perkhid. Pelanggan
28. Kamaruzzaman Mat Desa	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Perkhid. Pelanggan
29. Mad Munasir Hj. Masudi	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Peng. Jurnal & Jilidan
30. Mas Fadilah Md. Saruri	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	PATMA
31. Masrol Salleh	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	PUU
32. Nordin Omar	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Kol. Media
33. Roslan Abu Bakar	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Katalog
34. Shahwahid Shahabudin	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	PPPUKM
35. Ahmad Zainuddin Kulop Samat	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	PDAL
36. Sulaiman Abdul Wahab	Pembantu Tadbir (P/O) N17 (KUP)	PATMA

PERTUKARAN

Nama	Jawatan	Ke Bahagian/Jabatan
1. Hanim Yahya	Pembantu Tadbir (P/O) N17	Perkhid. Pelanggan
2. Noorashikin Mohamad	Pembantu Tadbir Rendah N11	Kol. Islam
3. Ahmad Muhaimin Jusoh	Juruteknik J17	Sistem & Tek. Maklumat
4. Amirudin Shah Abdul Rahman	Pembantu Perpustakaan S17	Peng. Jurnal & Jilidan
5. Bahari Chan	Pembantu Perpustakaan S22 (KUP)	Perkhid. Maklumat
6. Mahamat Rosiki Husain	Pembantu Perpustakaan S17	KAT/DOK
7. Mohd Fazli Mohamad Nafiah	Pembantu Pemuliharaan S17	Sistem & Tek. Maklumat
8. Noraini Ariffin	Pembantu Perpustakaan S17	Kol. Islam
9. Ahmad Afifi Mohamad Ishak	Pembantu Am Pejabat N1	Perkhid. Maklumat
10. Azmah Ishak (Ketua)	Pustakawan S44	Kol. Arkib, Galeri & Khas
11. Mohamad Zul Mohamad Yusof	Pembantu Pemuliharaan S17	Kol. Media
12. Hazira Basri	Pembantu Tadbir Rendah N11	PPU
13. Ahmad Nizam Shaari	Pen. Jurutera J29	JPP

KELAHIRAN CAHAYAMATA

Nama	Bahagian/Jabatan
1. Shamsudin Ibrahim	Perkhid. Penyelidikan
2. Azreen Abu Hadin	Perolehan
3. Zaiful Ezwan Abdul Rashid	Kol. Arab & Tamadun Islam
4. Nik Zaleha Nik Mustapha	Kol. Arab & Tamadun Islam
5. Rosmizawaty Mohd Nor	Perolehan
6. Muhammad Hazriq Ghazali	Sistem & Tek. Maklumat
7. Nur Murni Aznin Zahari	Perkhid. Penyelidikan

BERITA KAKITANGAN

KELAHIRAN CAHAYAMATA

Nama	Bahagian/Jabatan
10. Radiyana Abdul Rahman	Perkhid. Penyelidikan
11. Muhamad Wafi Azizi	PPPUKM
12. Rohalia Mohd Rohani	Perkhid. Penyelidikan
13. Noorashikin Mohamad	Kol. Arab & Tamadun Islam
14. Siti Wahida Amanullah	KAT/DOK
15. Nor Asiah Mohamad	PATMA
16. Mariatul Qibtiah Isa	PATMA
17. Maslia Manshor	Katalog
18. Rohalia Mohd. Rohani	Perkhid. Penyelidikan
19. Azhari Sahamir	PDAL

TAKZIAH (Anggota Keluarga Yang Telah Kembali ke Rahmatullah)

Nama/Bahagian	Anggota Keluarga
1. Abd. Razak Khalid, Bhg. Peng. Jurnal & Jilidan	Ibu - 5 April 2009
2. Zaidah Sulaiman, Ketua Bhg. Perolehan	Bapa - 25 Mei 2009
3. Abdul Razab Idris, Bhg. Perkhid. Pelanggan	Anak dan cucu - 10 Ogos 2009
4. Abu Bakar Maidin, Ketua Pustakawan	Ibu - 28 September 2009
5. Abdul Karim Mahmud, Bhg. Perkhid. Pelanggan	Ibu - 12 Oktober 2009
6. Norhuda Lajis@Aziz, PDAL	Bapa - 9 Oktober 2009
7. Faizah Mohd Zain, Ketua PDAL	Bapa - 20 Oktober 2009

RENUNGAN :

Kemahiran dan ilmu semakin diguna semakin banyak.

Kecemerlangan adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik.

Sesiapa yang tidak pernah merasai kepahitan tidak akan mengenal kemanisan.

Sahabat sejati dan setia adalah lebih bernilai dari semua emas di dunia ini.

Agama tanpa ilmu adalah buta. Ilmu tanpa agama adalah lumpuh

Cara terbaik menghukum orang yang telah melakukan kesalahan terhadap kita ialah dengan berbuat baik kepadanya

Lidah yang panjangnya tiga inci boleh membunuh manusia yang tingginya enam kaki.

AKTIVITI ANJURAN PTSL TAHUN 2009



Bengkel Pemeliharaan dan Penjilidan (21-23/4/09)



Forum Intelektual (3/6/2009)



Bengkel Pengurusan Perpustakaan Dari Perspektif Undang-Undang 22-23/6/2009



Aktiviti Bersama Pelajar Sekolah (29/7/2009)



Hari Bersama Pelanggan (4/8/2009)



e-J Inforace (6/8/2009)



Majlis Perasmian Pembudayaan Ilmu (6/8/2009)



Majlis Bicara Buku (6/8/2009)